

BINA Integriti

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

**KOD ETIKA
KONTRAKTOR**
CODE OF ETHICS FOR CONTRACTORS



Petikan Ucapan Perasmian
MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA
sempena MAJLIS PELANCARAN
KOD ETIKA KONTRAKTOR

- Pelancaran
Kod Etika Kontraktor
- Penubuhan Jawatankuasa
Pembangunan Integriti
Dalam Industri Pembinaan
- Nilai Integriti sebagai
amalan terbaik
governan industri



Integriti & Industri & Pembinaan Negara

**KURSUS
INTEGRITI
KONTRAKTOR**



ISI KANDUNGAN

SIDANG REDAKSI

Penasihat

Datuk Ir. Hamzah Hasan
Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

Tan Sri Dato' Dr. Ir. Wan Abdul Rahman Wan Yaacob
Pengerusi - Jawatankuasa Pembangunan Integriti
Dalam Industri Pembinaan

Ketua Editor

Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani

Editor

Ida Zuraida Mohd Yusoff
Nur Faeza Hamdan Fadel

Penulis Undangan

Mohd Nizam Mohd Ali

Urus Setia

Rosli Zainon
Mohd Azwan Ramli
Norfaezah Abdul Halim

Diterbitkan oleh

CIDB Malaysia



**Bahagian Pembangunan Kontraktor
Sektor Pembangunan Kontraktor &
Personel Binaan, CIDB Malaysia.**

Level 10A, Grand Seasons Avenue
No 72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur Malaysia


Tel: 6-03-2617 0206, 03-4042 8880

Fax: 6-03-2617 0340, 03-4042 2880

Email: bpk@cidb.gov.my/ecidbh@cidb.gov.my

3 Kata Pengantar
Usaha Membangun &
Mengukuhkan Integriti

4 Perutusan
Jawatankuasa Pembangunan
Integriti Dalam Industri
Pembinaan



5 Petikan Ucapan Perasmian
Menteri Kerja Raya Malaysia

6 Flashback
Background on integrity
strengthening initiatives
in construction industry

9 Apa Itu...
Pelan Integriti Nasional dan
Institut Integriti Malaysia



10 Majlis Pelancaran Kod Etika Kontraktor

12 CIDB & Pembangunan Integriti
Industri Pembinaan & Integriti

14 Penulis Jemputan
Nilai Integriti Sebagai Amalan Terbaik Governan Industri

18 Fokus
Kursus Integriti Kontraktor Industri Pembinaan

20 Borang Permohonan Kursus
Integriti Kontraktor Industri Pembinaan

BINA INTEGRITI

BINA - Mencerminkan industri pembinaan Malaysia.

INTEGRITI - Melambangkan objektif utama penerbitan buletin ini iaitu untuk menjadi bahan rujukan dan perkongsian ilmu pengetahuan, makluman mengenai program-program penerapan integriti dalam industri pembinaan, penggalakkan budaya kerja berintegriti dan juga untuk mewarwarkan peranan CIDB dalam program-program berkenaan.

OBJEKTIF PENERBITAN

1. Memberi kesedaran kepada semua pemain industri negara akan kepentingan integriti di dalam bisnes binaan.
2. Menanamkan budaya kerja beretika dalam kerja-kerja pembinaan.
3. Mempertingkatkan tahap kepercayaan awam terhadap industri pembinaan negara.
4. Mempromosikan program anjuran Bahagian Pembangunan Kontraktor CIDB.
5. Mewarwarkan program-program pembangunan integriti anjuran CIDB.

LIDAH PENGARANG

INTEGRITI, membawa maksud kesepaduan di antara niat, buah fikiran, perkataan dan perbuatan.

Usaha pengukuhan nilai murni bukanlah satu tanggungjawab yang mudah untuk direalisasikan tetapi bukanlah juga satu usaha yang harus dinafikan.

Bukan mudah untuk memikul beban dalam membetulkan orang lain, kerana membetulkan diri sendiri sudah cukup sukar.

Bercakap mengenai integriti bukanlah dengan menuding jari telunjuk ke arah lawan, namun haruslah dimulakan dengan memperhalusi dan mencerminkan diri sendiri. Memang berat mata memandang berat lagi bahu kami sidang redaksi memikul tanggungjawab dalam menerbitkan buletin yang seolah-olah mencabar keupayaan dan menguji integriti kami masing-masing sebenarnya. Namun, kita masing-masing tidak terlepas daripada amanah yang telah dipertanggungjawabkan, maka lahirkan Bina Integriti isu sulung ini.

Buletin sulung ini memperkenalkan apa yang dikatakan integriti, sehingga terlahirlah Kod Etika Kontraktor, satu rujukan amalan murni dan etika para kontraktor dalam melaksanakan kerja-kerja pembinaan. Buletin edisi sulung ini akan mengupas serba sedikit kandungan Kod Etika Kontraktor.

Nota Pengarang:

Kami mengalu-alukan sebarang komen dan sumbangan artikel dari anda. Sebarang pertanyaan, komen dan penulisan hendaklah di emel ke bpk@cidb.gov.my.

Buletin Bina Integriti (dalam format PDF) boleh dimuat turun daripada www.cidb.gov.my

Usaha Membangun & Mengukuhkan INTEGRITI

Sukacitanya CIDB telah berjaya melahirkan Buletin Integriti Industri Pembinaan di dalam usaha membangun dan mengukuhkan integriti di dalam sektor pembinaan.

Peranan CIDB terhadap industri pembinaan telah dizahirkan oleh objektif CIDB untuk membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

Berdasarkan objektif tersebut, usaha-usaha yang dilaksanakan oleh CIDB tidak hanya menekankan aspek-aspek teknikal dan kecekapan pengurusan yang berbentuk fizikal sahaja. Pelan Induk Industri Pembinaan (CIMP 2006-2015) yang dibangunkan oleh CIDB dengan kerjasama pihak industri di bawah Pelan Strategik 2 iaitu 'Memantapkan Imej Industri Pembinaan' telah menggariskan Saranan 2 'Mempertingkatkan tahap profesionalisme industri pembinaan'. Peningkatan tahap profesionalisme bererti pembangunan menyeluruh yang mencakupi aspek-aspek fizikal tanpa mengecualikan aspek-aspek nilai, sikap dan etika kerja. Seorang profesional itu tidak seharusnya dianggap sebagai seorang yang mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi jika beliau mempunyai sikap dan budaya kerja yang tidak beretika dan tidak berintegriti walau sehebat manapun projek pembinaan yang dibinanya. Maka, atas dasar inilah CIDB dengan kerjasama padu Institut Integriti Malaysia sebagai agensi pemantau Pelan Integriti Nasional telah mula mengorak langkah membangun dan melaksana program-program pembangunan dan pengukuhan integriti di dalam industri pembinaan.

Bermula dengan Kursus Integriti Kontraktor, para kontraktor diberi kesedaran terhadap kepentingan pengukuhan integriti di dalam membangunkan imej dan profesionalisma mereka. Kod Etika Kontraktor yang dilancarkan oleh YB Menteri Kerja Raya pada 1 Julai 2007 baru-baru ini pula menjadi satu naskah rujukan para kontraktor untuk menggalakkan pengamalan budaya kerja yang beretika yang mana pematuan terhadap kod etika ini dapat meningkatkan kepercayaan dan keyakinan masyarakat terhadap profesyen para kontraktor seterusnya memantapkan imej industri pembinaan. Kedua-dua program pembangunan integriti yang telah dibangunkan oleh CIDB ini merupakan satu langkah awal pengukuhan integriti di dalam sektor pembinaan dan akan menjadi satu usaha berterusan yang memerlukan kesungguhan dan komitmen yang tinggi oleh semua pihak yang terlibat di dalam sektor pembinaan di dalam sama-sama merealisasikan impian ke arah pemantapan imej industri ini.

Penerbitan Buletin ini diharapkan dapat menjadi satu sumber perkongsian ilmu dan maklumat di dalam memberi kesedaran dan menggalakkan usaha ke arah pengukuhan integriti di dalam pihak-pihak yang terlibat di dalam industri pembinaan serta seluruh masyarakat Malaysia amnya.

Ketua Eksekutif CIDB Malaysia

1 Januari 2009



Datuk Ir. Hamzah Hasan

JAWATANKUASA PEMBANGUNAN INTEGRITI DALAM INDUSTRI PEMBINAAN

Jawatankuasa Pembangunan Integriti Dalam Industri Pembinaan telah ditubuhkan sejak tahun 2007 bertujuan untuk meningkatkan imej dan profesionalisma industri pembinaan melalui peningkatan integriti pemain-pemain utama industri pembinaan dalam pelaksanaan kerja-kerja pembinaan. Selain daripada itu, jawatankuasa ini turut berperanan di dalam merancang dan memberi arah tuju terhadap agenda integriti di dalam industri pembinaan. Penubuhan



Jawatankuasa ini yang diwakili oleh segenap pihak yang berkepentingan di dalam industri pemain sama ada dari pihak kerajaan, swasta dan NGO membuktikan keseriusan industri pembinaan di dalam pembangunan aspek-aspek yang berkaitan sikap, etika dan integriti.

Mempengerusikan Jawatankuasa Pembangunan Integriti adalah satu cabaran yang sangat besar buat saya. Ini adalah kerana pembangunan integriti yang menjuruskan kepada pengurusan sikap merupakan satu aspek pembangunan yang paling sukar dilaksanakan bagi setiap organisasi kerana ianya membabitkan pengurusan manusia yang terdiri daripada latar belakang kehidupan, tabiat, adat resam, taraf kehidupan serta seribu satu macam perihai yang berbeza. Apatah lagi, industri pembinaan itu sendiri merangkumi pelbagai pihak seperti kontraktor pembinaan, arkitek, jurutera, juruukur, konsultan, pemaju, perbankan, pihak berkuasa, pelanggan serta masyarakat sekeliling yang setiap satunya memainkan peranannya yang tersendiri.

Pembangunan integriti industri pembinaan harus dilihat sebagai satu usaha untuk 'membangunkan sikap' komuniti sektor pembinaan ke arah satu 'standard sikap' terbaik yang mengikut lunas undang-undang tanpa membelakangkan

moral dan adab sopan yang mana pengamalan terhadap 'standard sikap' tersebut akan meninggikan kehormatan masyarakat terhadap sektor ini. Makna asal 'integriti' iaitu 'kejujuran' atau 'keadaan sempurna dan utuh' itu sendiri sudah cukup mencabar, mana kan lagi mentakrifkan seterusnya merealisasikan makna kejujuran, kesempurnaan serta keutuhan ini kerana tiada kayu pengukur yang dapat menilai dengan tepat kejujuran serta kesempurnaan seseorang individu mahupun sesebuah

organisasi.

Saya mengharapkan agar penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Integriti Dalam Industri Pembinaan akan dimanfaatkan sebaiknya di dalam merancang strategi dan merangka program-program yang dapat mempertingkatkan kesedaran tentang kepentingan pengukuhan integriti dan budaya kerja beretika terhadap kesemua pihak yang terlibat di dalam sektor pembinaan. *Perlaksanaan Kursus Integriti Kontraktor* merupakan satu tapak menyemai kesedaran terhadap kepentingan integriti di dalam melaksanakan projek pembinaan di kalangan pemilik syarikat pembinaan, manakala pematuhan *Kod Etika Kontraktor* yang baru dilancarkan 1 Julai 2008 yang lalu akan dapat menyediakan satu sumber rujukan bagi kontraktor terhadap harapan terbaik oleh para pelanggan dan masyarakat terhadap etika kerja mereka. *Penerbitan buletin Bina Integriti* ini pula akan menjadi satu sumber bacaan berkaitan aspek integriti di dalam industri pembinaan yang menasarkkan segenap pihak yang berkaitan di dalam industri pembinaan. Harapan saya pemain industri pembinaan dapat bersama-sama berusaha memperbaiki sikap dan budaya kerja seterusnya memperkukuhkan integriti diri, keluarga dan organisasi masing-masing. Sekiranya itu dapat berlaku, maka tidak mustahil bahawa sektor pembinaan negara akan menjadi satu sektor yang paling dihormati dan dipercayai suatu hari nanti.

Tan Sri Dato' Dr Ir Wan Abdul Rahman Wan Yaacob
Pengerusi
Jawatankuasa Pembangunan Integriti
Dalam Industri Pembinaan

Kata Pujangga

“Orang yang bijak dipuja
Orang yang kaya dicemburui
Orang yang berkuasa ditakuti
Tetapi hanya orang yang berakhlak mulia dipercayai”

Tun Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid
dipetik dari buku *Hidup Berintegriti Amalan Murni*
Kementerian Palajaran Malaysia

Kerajaan telah lama menyedari akan kepentingan membangunkan masyarakat berintegriti di dalam melahirkan negara maju menjelang 2020 yang mana soal integriti dan etika ini jelas termaktub di dalam Cabaran Keempat Wawasan 2020 yang berbunyi: *membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur*. Wawasan 2020 ini cukup jelas menyatakan bahawa dalam kita mengejar dan berusaha mencapai status negara maju, soal integriti dan etika mesti menjadi tunggak utama.

Ketuanan ilmu tanpa integriti tidak memadai kerana negara bukan sahaja khuatir akan menghasilkan cendekiawan tidak bermoral, tetapi lebih bahaya lagi ialah menghasilkan penjenayah yang bijaksana. Integriti dapatlah ditafsirkan


tumpuan terhadap pembangunan modal insan atau *capacity building* di kalangan rakyat di dalam melahirkan tenaga kerja yang berintegriti dalam mencapai wawasan 2020.

Tidak disangkal bahawa terdapat persepsi yang mengatakan bahawa di dalam dunia pembinaan dengan saingan yang sengit, tindakan tidak berprinsip dikira sah untuk bersaing sebagai ikhtiar untuk hidup. Namun, para kontraktor diingatkan bahawa apa yang mereka bina dan sediakan akan digunapakai secara terus oleh rakyat. Tanpa integriti projek pembinaan yang dilaksanakan mungkin berhadapan dengan risiko seperti projek yang tidak berkualiti yang mana akhirnya ditanggung oleh pengguna selain mencemarkan imej sektor pembinaan negara.

Kuasa yang dimiliki oleh para kontraktor adalah pengetahuan (dalam

yang mana ianya menjadi asas kepada pembentukan kod etika profesyen.

Seerti profesional lain di dalam industri pembinaan, para kontraktor juga tidak terlepas daripada tanggungjawab sosial mereka dalam membendung permasalahan yang



PETIKAN UCAPAN PERASMIAN

MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA

SEMPENA MAJLIS PELANCARAN

KOD ETIKA KONTRAKTOR



Menteri Kerja Raya memberi ucapan perasmian.

Terdapat persepsi yang mengatakan bahawa di dalam dunia pembinaan dengan saingan yang sengit, tindakan tidak berprinsip dikira sah untuk bersaing sebagai ikhtiar untuk hidup.

sebagai kesempurnaan dan keharmonian antara fikiran, pertuturan serta tindakan. Berbeza dengan pengetahuan yang boleh dipelajari dan kemahiran yang boleh dilatih, integriti hanya boleh dipupuk. Pemupukan integriti seharusnya dilaksanakan oleh cerdik pandai, ibu bapa atau penjaga melalui peradaban, teladan dan tatalaku yang berintegriti. Oleh sebab itu, kerajaan memberi

akhirnya menyebabkan kerugian berjuta-juta ringgit. Sehubungan dengan itu, para kontraktor diseru untuk melindungi kepentingan awam dan menjamin kepercayaan orang ramai serta amanah masyarakat. Untuk itu, pengawasan terhadap individu yang terlibat di dalam memegang amanah ini adalah penting untuk memelihara integriti dan etika agar hak-hak pelanggan tidak dicabuli

pembinaan) yang mana melalui pengetahuan itu para k o n t r a k t o r berupaya membangunkan negara. Namun jika 'kuasa' (p e n g e t a h u a n kontraktor) tidak dilengkapi dengan etika dan integriti, pelbagai permasalahan akan timbul seperti projek terbengkalai, lewat siap atau siap tetapi rosak yang mana


berlaku di dalam industri pembinaan. Pematuhan terhadap Kod Etika Kontraktor yang dibangunkan ini merupakan langkah wajar yang dapat meningkatkan imej kontraktor kita di dalam dan luar negara.

Kementerian Kerja Raya (KKR) juga tidak terkecuali di dalam memastikan integriti menjadi budaya kerja staf dan agensi-agensi dibawah seliaan KKR. Justeru Kementerian telah membangunkan Pelan Tindakan Pengukuhan Integriti Kementerian Kerja Raya yang menjadi asas kepada tindakan pemantapan integriti di dalam sistem penyampaian KKR dan agensi dibawahnya.

Sebagai peringatan, tujuan hidup kita bukanlah semata-mata mencari kekayaan, tetapi mencari kekayaan dengan cara yang beretika tanpa menggadaikan integriti diri, bangsa dan negara. Hidup ini hanya perjalanan dan bukan matlamat. Amat rugilah sekiranya kita kaya raya semasa perjalanan tetapi papa apabila tiba di matlamatnya. ■

Background on Integrity Strengthening Initiatives in Construction Industry

Mac 2004 – Launching of National Integrity Plan



The **National Integrity Plan (NIP)** that was launched by YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, represents a comprehensive integrity master plan that has been formulated with the purpose of inculcating and nurturing an ethics and integrity culture amongst all constituents from both the public and private sectors. These constituents include the Government, private sector, political parties, religious institutions, trade unions, NGOs, women, media, youth, students and other groups.

Pursuant to the launching of the NIP, CIDB and the Institut Integriti Malaysia (IIM) have jointly organised a Forum on Integrity in Construction Sector that carried the theme of 'Strengthening

Image and Enhancing Professionalism'. The Forum provided the platform for productive, constructive and fruitful discussions amongst the regulators and the players of the Construction Sector. Many issues were raised and discussed, with an emphasis on how to enhance the level of integrity and competitiveness in the sector. Some key resolutions were drawn up which includes:-

Integrity of the Contractors

The enhancement of the integrity of contractors and sub-contractors will contribute to the better image and performance of the Construction Sector. In order to meet the expectations of stakeholders, contractors must be committed to ensuring the timely completion, quality and cost-effectiveness of projects.

One way to achieve this is by making it mandatory for contractors to attend courses on integrity as a pre-requisite for registration with CIDB and PKK.

Self-Regulation

Consistent with the domestic and international trends in other sectors, it is recommended that the Construction Sector should commence the implementation of self-regulatory practices and standards.

The Construction Sector should therefore formulate its own Code of Ethics for Contractors that complement the codes which are already being upheld by professionals in the sector.

Mac 2007 – Establishment of Integrity Development Committee in Construction Industry (IDCCI)


The Integrity Development Committee in Construction Industry (IDCCI) was established with the purpose of serving as a platform for the discussion of issues pertaining to integrity in the Construction Sector, and to propose 'way forward' recommendations to address those issues. It is chaired by Tan Sri Ir. Dato' Dr Wan Abdul Rahman Wan Yaacob, the former Chairman of CIDB, who now serves as the Chairman of Minconsult Sdn. Bhd. The members of this committee comprises various individuals and representatives from the Construction Industry, including regulators and stakeholders.


The deliberations from this committee reflects the consensus amongst industry players on the integrity agenda.

28 August 2007 – Launching of Construction Industry Master Plan (CIMP 2006-2015)

The Construction Industry Master Plan 2006-2015, launched by the Deputy Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak, is a comprehensive plan that was designed to chart the strategic position and future direction of the Malaysian Construction Industry over the next 10 years.

Seven Strategic Thrusts have been outlined in the CIMP, and Strategic Thrust 2, "Strengthening the Construction Image", which features the recommendation on enhancing the professionalism of the construction industry, has been deemed relevant to the strategic intentions of the NIP.






December 2007 - The Development of Integrity Course Modules

CIDB, together with the Ministry of Works, the Malaysia Institute of Integrity (MII) and Anti Corruption Agency (ACA) have developed a comprehensive set of modules that are geared towards educating contractors on the integrity and ethical issues in implementing construction projects. Four modules have been developed: "National Integrity Plan", "The importance of integrity in construction industry and introduction to Contractors Codes of Ethics", "Curbing Corruption" and "The issue of leakages in RMK9 projects".

15 Mac 2008 – The Issuance of the CIDB Integrity Course for Contractors

Integrity Courses for contractors have been made mandatory for



contractors who are newly registered with CIDB. A circular has since been issued by CIDB to that effect. The circular and course brochure can be downloaded from www.cidb.gov.my

29 April 2008 – The Inaugural Nationwide Course on Integrity for Contractors

The first Integrity Course was held on 29th April 2008 in Kedah. Since then, a total of 65 sessions were held nationwide that catered for the attendance of 3,186 contractors. (Please refer to Page 18 to review the relevant statistics)

1st July 2008 – Launching of Contractors' Code of Ethics

The Contractors Code of Ethics was launched by the Minister of Works, YB Dato' Ir. Mohd Zin Mohamed. This code was formulated as a document of reference for contractors and all stakeholders involved in construction projects. It outlines best practices and noble conducts that are focused on motivating and enhancing levels of professionalism, integrity and accountability.

It is envisaged that the compliance of this code will encourage contractors to uphold their personal honour, thus reinforcing their credibility and confidence among clients and society.

This code has been jointly developed by CIDB and the Code of Ethics Working Group Committee which are represented by players and stakeholders (including regulators, contractor associations and clients) of the Construction Industry.

(Please refer to Page 10 for an overview of the Code)

1st July 2008 – Seminar on Ethics and Integrity of Contractors in Construction Industry

In conjunction with the launching of

the Contractors' Code of Ethics, a seminar was organized and was attended by almost 1,000 participants. Three speakers were invited to share their views and opinions from the perspective of their roles as the players of the Construction Industry.

CIDB's Chairman, YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Jamilus Hussein discussed CIDB's role in integrity development in the Construction Industry. Tn. Hj Ar. Mohd Nazam bin Md. Kassim, the member of Board of Architect (LAM) took the opportunity to share the Board's experience in handling integrity and ethical issues among architects. Dato' Che Wan Mohd Khalid bin Mohammad, vice president of PKMM touched on the contractors' point of view towards integrity issues and challenges faced by them in the industry.

(Some papers presented at this Seminar will be covered in our next issue).





LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN
MALAYSIA

PEKELILING BIL. 3/2008
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KONTRAKTOR

KOD ETIKA KONTRAKTOR

1st August 2008 – The issuance of Circular on Contractors Code of Ethics Compliance

A circular on Contractors Code of Ethics Compliance was issued to contractors in August 2008. Contractors are encouraged to abide by the codes that would reflect their credibility in carrying out their responsibilities and their commitment towards the inculcation of an ethical work culture. Such attitudes will strengthen their image and enhance the clients' level of confidence towards their services. Since the Contractors Code of Ethics has recently been launched, the punitive approach has yet to be introduced. It is expected that the enforcement of the codes will commence once the awareness and educational phase have been implemented. ■


INTEGRITY

Our word should be our bond. This is similar to trust in which we do what we promise.

Integrity is essential for an individual to be in a position of trust.

The same goes for the manager in a company.

If there is no integrity, the company will never progress. In fact, it might even collapse.



Excerpted from 'Promoting & Practising Universal Values and Good Work Ethics' Published By International Trade & Industry Committee Associated Chinese Chambers of Commerce & Industry Malaysia (ACCCIM). This handbook is circulated to ACCCIM members.

How to Promote & Practice:

Again, in promoting integrity, we must set example ourselves.

Emphasize this value at every opportunity to our staff, to our children.

Highlight the example of integrity which have resulted in more business, more profit, and in turn lead to a more pleasant and happy work environment.

WHAT IS IN THE NAME 'BINA INTEGRITI'

BINA

Reflects the construction industry in Malaysia.

INTEGRITI

Reflects the objective of the publication that emphasises a knowledge sharing platform for the integrity program, that is geared towards nurturing a new work culture that's centered on 'integrity' amongst the construction community. It also reflects CIDB's contribution towards reinforcing the value of integrity in the Construction Industry.

IKRAR INTEGRITI MALAYSIA

KAMI, RAKYAT MALAYSIA MERDEKA, BERWAWASAN DAN BERDAULAT, DENGAN TULUS DAN SUCI HATI, BERIKRAR, MEMANTAP DAN MEMPERKUKUHKAN, MARUAH DAN INTEGRITI KAMI, KELUARGA DAN MASYARAKAT, AGAMA, BANGSA DAN NEGARA KAMI.

KE ARAH ITU KAMI AKAN:

- MEMATUHI SEPENUHNYA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN, UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN SEMASA;
- MEMATUHI DAN MENGAMALKAN PRINSIP-PRINSIP RUKUN NEGARA;
- SENTIASA BERUSAHA MEMUPUK DAN MENGAMALKAN NILAI-NILAI MURNI, ETIKA DAN INTEGRITI;
- BEKERJASAMA SEPENUHNYA DENGAN MANA-MANA PIHAK UNTUK MENCEGAH SEBARANG PERLAKUAN JENYAH, SALAH LAKU DAN PERBUATAN TIDAK BERINTEGRITI;
- BERTINDAK TEGAS TERHADAP MEREKA YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN;
- BERTINDAK TEGAS TERHADAP MEREKA YANG CUBA MENGGUGAT INTEGRITI, IMEJ MASYARAKAT DAN NEGARA;
- SECARA KOLEKTIF DAN BERTERUSAN MEMBUDAYAKAN INTEGRITI MASYARAKAT MALAYSIA.

Sumber: Pelan Integriti Nasional

PELAN INTEGRITI NASIONAL dan INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA

Pelan Integriti Nasional yang dilancarkan pada 23 April 2004, adalah selaras dengan cabaran ke empat Wawasan 2020 iaitu untuk “membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh, dan ditunjangi oleh budi pekerti yang luhur.” Ada lima sasaran utama (yang dikenali sebagai TEKAD 2008) yang perlu dicapai oleh PIN menjelang tahun 2008, iaitu;

1. Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan;
2. Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam dan mengatasi karenah birokrasi;
3. Meningkatkan tadbir urus korporat dan etika perniagaan;
4. Memantapkan institusi keluarga dan komuniti; dan
5. Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat.

Walau pun Kerajaan mahukan supaya semua sasaran di atas ditangani secara keseluruhan, fokus waktu ini ialah untuk mengurangkan gejala rasuah, sama ada di sektor awam mahu pun di sektor swasta. Hasrat Kerajaan melalui PIN ini ialah, sekiranya gejala rasuah boleh dikurangkan, tahap kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam ditingkatkan dan tahap tadbir urus korporat dan etika perniagaan di sektor swasta di tingkatkan, maka kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat Malaysia keseluruhannya, sebagai penerima perkhidmatan dan pembangunan, dapat ditingkatkan.

Institut Integriti Malaysia (IIM)

Institut ini ditubuhkan pada tarikh yang sama dengan pelancaran PIN untuk menyelaraskan dan membantu pelaksanaan

PIN, terutama kelima-lima sasaran yang telah ditetapkan seperti di atas. IIM ditubuhkan sebagai sebuah syarikat berhad di bawah jaminan kerajaan (*limited by guarantee*) supaya tidak *bias* dalam pendekatan serta tindakannya. Sehubungan itu, IIM dikawal selia oleh sebuah Lembaga Pengarah yang keanggotaannya mewakili pelbagai lapisan masyarakat termasuk pembuat dasar (Ketua Pengarah MAMPU), agensi penguatkuasaan (Ketua Pengarah BPR), ahli akademik (Prof. Emeritus Dato’ Dr. Khoo Kay Kim), ulama (Us. (Dr.) Uthman el-Muhammady), NGO (Dr. Chandra Muzaffar), agensi kawal selia sektor awam (Ketua Audit Negara), agensi kawal selia sektor swasta (Timbalan CEO Suruhanjaya Sekuriti), individu (Tan Sri (Dr.) Hamid Bugo), Ketua Peguam Negara dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, pelaksanaan PIN adalah terletak di bahu Kementerian, Jabatan serta agensi sedia ada. Kegiatan utama IIM adalah seperti berikut;

1. Penyelidikan

IIM, dengan kerjasama daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, buat masa ini sedang membangunkan indeks-indeks yang mampu mengukur tahap pelaksanaan kelima-lima sasaran di atas. Setiap indeks merupakan gabungan sub-indeks yang berdasarkan laporan (statistik) dan sub-indeks yang berasaskan persepsi *stakeholders*. Indeks-indeks ini akan dikirakan setiap tahun supaya kita boleh mengukur kesan usaha yang diambil dari masa ke semasa. Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan akan dimuatkan ke dalam Laporan Sistem Integriti Nasional yang akan diterbitkan oleh IIM pada bulan November setiap tahun, bersempena dengan Hari Integriti.

IIM juga sentiasa mengambil kira perkembangan di luar negara dalam usaha meningkatkan tahap integriti ini.

Ini termasuk apa yang dilakukan oleh agensi antarabangsa seperti Transparency International, World Bank, UNDP, OECD dan lain-lain. Tujuannya ialah supaya apa yang dilakukan dan dibangunkan oleh IIM mendapat pengiktirafan antarabangsa dan seterusnya memperbaiki imej negara. Dari satu sudut, usaha sebegini boleh meningkatkan kemasukan *Foreign Direct Investment* (FDI) ke Negara ini.

2. Pendidikan dan Latihan

IIM juga buat masa ini sedang giat melaksanakan program pendidikan dan latihan untuk meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang PIN dan IIM. Program-program pendidikan dan latihan IIM melibatkan lapan (8) sektor utama seperti yang dikenal pasti di dalam PIN, iaitu keluarga, komuniti, masyarakat sivil, sosiobudaya, agama, ekonomi, politik dan pentadbiran.

3. Pemantauan

Setiap agensi pelaksana PIN dikehendaki membuat laporan secara suku-tahunan kepada IIM tentang aktiviti serta perancangan masa hadapan untuk meningkatkan tahap integriti di pelbagai lapisan masyarakat. Berdasarkan laporan-laporan ini, IIM akan menyediakan maklum balas melalui saluran-saluran tertentu seperti Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan (JKKMKPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri.

Pencapaian matlamat penubuhan dan kejayaan IIM akan bergantung pada sambutan, sokongan dan penyertaan menyeluruh semua sektor di kalangan rakyat Malaysia. Kejayaan IIM kelak pasti akan menampilkan imej rakyat dan Negara Malaysia sebagai nusa yang dihormati dunia. ■

Sumber : Institut Integriti Malaysia

Majlis Pelancaran Kod Etika Kontraktor

Sebagai satu langkah untuk meningkatkan imej kontraktor tanahair, di dalam atau di luar negara.

1 Julai 2008 merupakan tarikh keramat yang melakar sejarah di dalam industri pembinaan tanahair di mana Kod Etika Kontraktor telah dilancarkan dengan jayanya oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, Y.B. Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed. Majlis gilang gemilang ini diadakan di Dewan Auditorium, Institut Integriti Malaysia bertempat di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Hampir seribu peserta hadir memeriahkan majlis ini.

Y.B. Dato' Ir. Mohd Zin bin Mohamed, Menteri Kerja Raya di dalam ucapan perasmianya menekankan bahawa pengukuhan integriti dan pembangunan seharusnya berjalan seiringan di dalam usaha memajukan negara. Beliau mengalu-alukan pengwujudan Kod Etika Kontraktor sebagai satu langkah untuk meningkatkan imej kontraktor tanahair, di dalam atau di luar negara.

Kod Etika Kontraktor ini merupakan satu set garis panduan yang mengandungi etika dan amalan murni yang diterimapakai oleh kontraktor pembinaan sebagai amalan piawaian di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ianya telah dibangunkan hasil kerjasama segenap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang berkepentingan di dalam industri pembinaan. Pelancaran Kod Etika Kontraktor ini adalah salah satu usaha di dalam meningkatkan tahap profesionalisme, integriti dan akauntabiliti para kontraktor. Pematuhan terhadap Kod Etika ini pula akan membudayakan kaedah pengawalseliaan sendiri (*self-regulatory*) di kalangan kontraktor seterusnya diharapkan akan meninggikan keyakinan ma-

syarakat terhadap kredibiliti mereka.

Kod Etika Kontraktor ini mengandungi 36 klausa yang dikategorikan di dalam 6 prinsip utama.

PRINSIP-PRINSIP KOD ETIKA KONTRAKTOR

Prinsip 1: Jujur Melaksanakan Tanggungjawab

Prinsip 2: Pematuhan Peraturan Dan Undang-undang

Prinsip 3: Penghormatan Kepada Individu Dan Masyarakat

Prinsip 4: Kepentingan Kualiti, Kemahiran dan Piawaian


Prinsip 5: Kepentingan Keselamatan, Kesihatan Dan Kebajikan

Prinsip 6: Kepentingan Pemeliharaan Alam Sekitar

Majlis Pelancaran Kod Etika Kontraktor ini kemudiannya diteruskan dengan Seminar Etika dan Integriti Kontraktor Industri Pembinaan 2008. Pembentangan seminar ini meliputi pandangan dan pemikiran daripada segenap pihak yang berkepentingan di dalam industri pembinaan terhadap

aspek-aspek etika dan integriti di dalam industri ini.

Tan Sri Dato' Ir. Jamilus Hussein, Pengerusi CIDB membentangkan kertas kerja yang menyentuh mengenai peranan CIDB sebagai agensi kerajaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan integriti di dalam industri



Kod Etika Kontraktor



Ketibaan para VIP.

APLIKASI KOD ETIKA KONTRAKTOR

Kod Etika ini diterima dan diaplikasikan oleh semua kontraktor pembinaan di Malaysia, samada kontraktor tempatan atau asing mengikut definasi di dalam Akta 520 (Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, 1994)

Adalah menjadi satu obligasi kepada semua kontraktor untuk menghayati serta mematuhi Kod Etika ini demi menjaga maruah, integriti dan nama baik mereka secara peribadi, nama baik profesion secara khusus serta nama baik industri pembinaan secara umum.



YB Menteri Kerja Raya menerima satu salinan Kod Etika Kontraktor.

pembinaan. Manakala Tn. Hj. Ar. Mohd Nazam bin Md Kassim, Ahli Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) telah berkongsi pengalaman profesional arkitek di dalam amalan-amalan beretika dalam rantaian kerja-kerja pembinaan serta kesan negatif daripada amalan tidak beretika.

Kertas kerja yang dipersembahkan oleh Dato' Che Wan Mohd Khalid bin Mohammad, Naib Presiden Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) merupakan pembentangan yang paling dinantikan oleh majoriti peserta seminar yang terdiri daripada para kontraktor. Pembentangan beliau yang mendapat tepukan gemuruh daripada para peserta ini menyentuh secara mendalam mengenai isu dan cabaran para kontraktor tanahair dalam mengekalkan budaya kerja beretika di dalam sesuatu projek pembinaan.

Kehadiran hampir 1000 peserta ke Majlis Pelancaran Kod Etika Kontraktor dan Seminar Etika dan Integriti Kontraktor Industri Pembinaan 2008 ini menggambarkan minat dan komitmen



Ketua Eksekutif CIDB bersama panelis seminar.



Sebahagian jemputan.

TUJUAN PELAKSANAAN KOD ETIKA KONTRAKTOR

Membantu mencapai agenda dan hasrat Kerajaan bagi meningkatkan integriti di kalangan semua pihak berdasarkan Pelan Integriti Nasional (PIN)

Membudayakan kaedah pengawalseliaan sendiri (self-regulatory) di kalangan kontraktor bagi meningkatkan tahap keyakinan masyarakat umum terhadap perkhidmatan yang disediakan.

Menggariskan amalan-amalan serta perilaku murni yang diterima sebagai amalan piawai di kalangan kontraktor yang mampu mendorong dan meningkatkan tahap profesionalisma, integriti dan akauntabiliti yang tinggi.

mereka di dalam aspek pengukuhan integriti dan pengamalan nilai murni. Adalah diharapkan agar usaha murni ini akan dapat meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat umum terhadap para kontraktor tanahair seterusnya memartabatkan imej industri pembinaan secara umum. ■

Bina Integriti edisi akan datang akan mengupas prinsip-prinsip Kod Etika Kontraktor secara lebih terperinci.

Industri Pembinaan & Integriti

Petikan Ucaptama YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Jamilus Hussein, Pengerusi CIDB Malaysia pada Seminar Etika dan Integriti Kontraktor Industri Pembinaan Malaysia.

Selaku institusi yang diamanahkan untuk membangun industri pembinaan negara, CIDB telah menjana pelbagai inisiatif yang sehingga kini merupakan penyelesaian terhadap isu-isu yang berbentuk teknikal dan pengurusan. Namun demikian, CIDB amat sedar bahawa masih belum memadai jika perhatian hanya diberikan kepada isu-isu teknikal dan pengurusan tanpa memberi penekanan terhadap isu yang bersifat abstrak seperti nilai dan sikap. Atas kesedaran ini, CIDB telah mula mengolah program di dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan nilai dan integriti yang menjadi tunjang kepada pembentukan imej industri pembinaan yang luhur.

Antara inisiatif CIDB untuk menjayakan industri pembinaan Malaysia adalah dengan melatih pekerja binaan dengan kemahiran yang sesuai berdasarkan keperluan industri pembinaan, mengakreditasi kontraktor berdasarkan keupayaan firma, menyediakan pengkalan data bagi industri pembinaan, menyedia dan menyelaras Pelan Induk Industri Pembinaan (CIMP 2006-2013) bagi membangunkan industri pembinaan secara sistematik dan sesuai dengan keperluan tempatan dan global, membangun pelbagai standard yang dapat meningkatkan kualiti industri pembinaan serta menerimaguna teknologi pembinaan yang sesuai dengan keperluan industri. Selain itu, CIDB juga berperanan dalam mempermudah cara dan memainkan peranan utama di dalam menerokai pasaran antarabangsa serta melindungi kepentingan industri pembinaan dan pesertanya di forum kebangsaan dan antarabangsa.

PRODUKTIVITI INDUSTRI PEMBINAAN

Antara faktor yang mencerminkan prestasi CIDB adalah produktiviti industri pembinaan Malaysia. Peningkatan produktiviti industri pembinaan pula akan memberi kesan di dalam meningkatkan daya saing

ekonomi negara di pasaran domestik serta meningkatkan daya saing syarikat Malaysia di pasaran antarabangsa yang ditakrifkan oleh CIDB di dalam misinya iaitu "Bersama-sama kita membangunkan industri pembinaan negara ke tahap daya saing global".

Inisiatif CIDB pada umumnya disasarkan kepada 2 unsur terpenting iaitu meningkatkan produktiviti; dan mengawal, mengurangkan dan akhirnya menghapus mana-mana ciri yang membantutkan produktiviti. Namun demikian, kedua-dua sasaran ini mestilah dicapai tanpa membawa kerosakan kepada alam sekitar serta kemapanan sumber semulajadi negara atau menimbulkan kos sosial yang tinggi supaya daya saing ekonomi negara tidak terjejas. Perhitungan ini adalah lebih wajar memandangkan kos untuk memulihara alam sekitar adalah amat tinggi serta memakan masa yang panjang yang secara tidak langsung akan menjejaskan daya saing negara di masa hadapan.

Terkini, pendekatan CIDB di dalam meningkatkan produktiviti industri pembinaan negara adalah melalui program-program berbentuk nilai seperti pembangunan integriti kerana integriti sememangnya mempunyai hubungan rapat dengan produktiviti selain daripada program teknikal dan



YBhg. Tan Sri Dato' Ir. Jamilus Hussein

pengurusan yang telah diberi keutamaan di peringkat awal pembangunan industri pembinaan sebelum ini. **Negara yang berproduktiviti rendah biasanya mengalami insiden rasuah yang tinggi yang merupakan salah satu unsur pencemaran integriti.** Selain daripada rasuah, pencemaran integriti turut merangkumi beberapa unsur lain yang boleh memberi kesan kepada daya tarikan terhadap pelabur, kecekapan, daya saing dan produktiviti. Laporan Daya saing Global (Global Competitiveness Report) terbitan Forum Ekonomi Sedunia (World Economic Forum) mendapati bahawa terdapat empat belas faktor utama yang menimbulkan masalah di dalam menjalankan perniagaan iaitu bekalan infrastruktur

yang tidak mencukupi, ketidakcekapan birokrasi kerajaan, rasuah, ketidakstabilan polisi, peraturan-peraturan cukai, akses kepada pembiayaan, etika kerja yang lemah pada tenaga kerja negara, tenaga kerja yang kurang pendidikan, kadar cukai, jenayah dan kecurian, peraturan pekerja yang mengongkongan, peraturan matawang asing, ketidakstabilan kerajaan atau rampasan kuasa serta inflasi. Kebanyakan daripada faktor-faktor ini adalah melibatkan soal integriti. Jelas sekali integriti mempunyai hubungan rapat dengan dayasaing dan dayatarikan sesebuah negara.

PROGRAM-PROGRAM PEMANTAPAN INTEGRITI

CIDB telahpun menjalankan beberapa program sejak beberapa tahun kebelakangan ini di dalam usaha bagi memantapkan integriti di dalam industri pembinaan. Antaranya ialah bekerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (BPR) melalui seminar kesedaran (**Kursus Integriti Kontraktor**) yang sedang giat dijalankan di seluruh negara. Selain itu, isu integriti juga telah dimasukkan sebagai satu **agenda di dalam Pelan Induk Industri Pembinaan** yang dilancarkan pada tahun 2007. CIDB juga melaksanakan program kawalselia kualiti di tapak binaan melalui **program Qlassic**. Selain itu, pengubahsuaian dan pengemaskinian dilakukan terhadap **sistem pendaftaran kontraktor bagi mengasingkan kontraktor yang aktif dan tidak aktif**.

CIDB (dengan kerjasama wakil-wakil agensi awam dan swasta termasuk persatuan kontraktor) juga telah membangunkan **Kod Etika Kontraktor** yang dijadikan rujukan para kontraktor terhadap amalan murni dan etika di dalam melaksanakan sesuatu projek pembinaan yang mana kod etika ini mencerminkan harapan dan aspirasi dari perspektif klien dan pelanggan. Adalah disarankan agar Kod Etika Kontraktor ini

dilihat sebagai satu titik permulaan proses evolusi yang menggambarkan komitmen para kontraktor terhadap klien, pelanggan, masyarakat dan negara yang mengharapkan khidmat terbaik para kontraktor yang dilaksana dengan berintegriti.

CIDB juga mendekati isu integriti dalam industri pembinaan melalui beberapa pendekatan dan tahap lain. Antaranya adalah dengan menilai tahap syarikat pembinaan, pekerja, tahap pengurusan serta tahap penguatkuasaan melalui **pengawasan terhadap kes-kes perundangan di kalangan syarikat pembinaan** yang membabitkan amalan yang tidak berintegriti, keabaihan terhadap keselamatan dan kesihatan pekerja serta kerosakan alam sekitar yang boleh di bawa ke panel tatatertib CIDB. CIDB juga akan membuat **penilaian terhadap prestasi keseluruhan**

Selain daripada rasuah, integriti turut merangkumi beberapa unsur lain yang boleh memberi kesan kepada daya tarikan terhadap pelabur, kecekapan, dayasaing dan produktiviti.

an syarikat kontraktor untuk mewujudkan satu asas kuantitatif bagi membolehkan CIDB mengawas pembangunan kontraktor di samping membolehkan penilaian dibuat ke atas program-program pembangunan CIDB.

Bagi tahap pekerja, semua **Standard Kemahiran Pekerja Kebangsaan (NOSS)** akan menekankan supaya **unsur-unsur integriti diserap**

tanpa menjejaskan keperluan kemahiran. Tahap pengurusan pula akan memberikan tumpuan kepada **Kod Etika, Kod Tadbir Urus Korporat dan peruntukan undang-undang yang mana keberkesanan kod etika dipertanggungjawabkan kepada pertubuhan atau persatuan profesyen** berkenaan melalui kaedah pengawalseliaan-sendiri (self-regulation). Manakala, program-program kearah peningkatan tahap penguatkuasaan pula dianjurkan dengan kerjasama badan-badan profesional, Jabatan Kesihatan dan Keselamatan Pekerja serta pihak-pihak berkuasa yang berurusan dengan industri pembinaan yang mana isu-isu penting yang akan ditekankan termasuklah aspek ketelusan, pengawasan dan penimbangan (check and balance) serta peranan dan pemberian-kuasa (empowerment) kepada masyarakat awam.

CIDB kini telah bersedia untuk membawa industri pembinaan negara ke era kemajuan yang lebih menyeluruh dengan memberi penekanan yang sama berat kepada aspek nilai dan aspek ketara demi pembangunan industri pembinaan yang mapan. ■



*Institut Integriti
Malaysia di Persiaran
Duta, Kuala Lumpur.*

NILAI INTEGRITI SEBAGAI AMALAN TERBAIK GOVERNAN INDUSTRI

Mohd Nizam Mohd Ali (nizam@iim.com.my)
Pengarah Sektor Swasta,
Institut Integriti Malaysia



PAKSI KERANGKA NILAI

(DEFINITIVE FRAMEWORK OF VIRTUE)

Dalam Kerangka Analitikal bagi membincangkan unsur-unsur Sistem Integriti Nasional¹ khususnya bagi maksud memerangi gejala Rasuah, sebuah badan bukan kerajaan antarabangsa, Transparency International (TI) yang berpangkalan di Berlin, Jerman, telah menggariskan Kemahuan Politik sebagai antara unsur yang penting diutamakan dan tidak boleh dikesampingkan sama sekali.² Hakikat ini kelihatannya tidak begitu sangat dirai'ikan oleh masyarakat umum walaupun pihak kepimpinan tertinggi Negara seringkali berusaha mengisi setiap pernyataan niat dengan gagasan berbentuk institusi rasmi.

YAB Datuk Seri Perdana Menteri dan Ahli-ahli Jemaah Menteri Kabinet dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan menerusi Pelan Integriti Nasional³ (PIN) memberi mandat institusi yang ampuh dan langsung kepada Institut Integriti Malaysia (IIM). Demikian signifikannya ketepatan pengurusan dalam mengukur pelaksanaan perkara pertama gagasan kepimpinan tertinggi ini, demikian jualah pentingnya usaha pembudayaan Integriti ini menurut acuan tersendiri ini

diperakukan oleh semua pihak. Ketika mana kebanyakan Negara lain masih terbelenggu dengan masalah kepemimpinan dan kemasyarakatan masing-masing, Malaysia telah mengorak langkah awal mengisi aspirasi yang dipersetujui oleh segenap lapisan penghuninya akhir tahun lalu. Malahan, bukan sekadar melepaskan batuk ditangga sahaja, bahkan jua kita menyambung terus ikat simpulan Kehendak Politik ini dengan paksi utama Kerajaan iaitu Perkhidmatan Awam⁴ yang mengikrarkan niat untuk terus meningkatkan keupayaan sistem penyampaian perkhidmatan melangkaui batas seluruh pelusuk mukim dan daerah setempat dalam Negara ini.

Ditengah-tengah kelompok hadapan Perkhidmatan Awam ini termasuklah agensi-agensi pelaksana Pihak Berkuasa Tempatan dan penguatkuasa undang-undang sivil, Imigresen, Kastam dan pencegahan amalan rasuah, IIM berinteraksi secara berdepan, membicarakan persoalan Nilai dan Etika, khususnya dalam aspek kegagalan manusia membendung nafsu serakahnya untuk menikmati hidup tanpa menghitung hakmilik yang benar dan

betapa mudahnya maruah diri dijualbeli dek gejala rasuah, lebih-lebih lagi bila dipantulkan semula kepada cerminan hati nurani yang beragama dan merontar-ronta menuntut hak Keruhaniannya dikembalikan.

Berakar umbikan agama, istimewa agama Islam, semua kerumitan seumpama ini telah padat dijawab oleh Tuhan sesuai dengan sifat kemanusiaan makhluknya ini. Pemikir ulung kita, Professor Dr. Syed Muhammad Naquib al-Attas, dalam mengupas hal ini, dalam syarahannya sempena Kursus Nilai dan Etika anjuran Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang turut dihadiri oleh para pegawai kanan IIM, menjernihkan semula kekaburan pemikiran ahli falsafah Barat yang hanya mengimpikan nilai dan etika baik tanpa menemukan kunci induk yang tersimpan dalam khazanah Agama, dengan sedemikian jelas menggariskan perhubungan erat Akhlak yang secara fitrah lahir daripada pengenalan dan pengiktirafan manusia kepada Tuhannya dan beradab sempurna sesuai menurut petunjukNya dalam katabuat dan perjalanan kehidupan kemanusiaan Rasul Akhir Zamannya.

(Footnotes)

¹ "the ultimate goal of establishing a national integrity system is to make corruption a 'high risk' and 'low return' undertaking". Author's (Jeremy Pope) Note, Transparency International Source Book 2000: Confronting Corruption: the elements of a National Integrity System, TI: Germany, p.vii.

² *ibid*, Building Political Will, Chapter 5, pp.41-46

³ Pelan Integriti Nasional adalah dokumen rasmi terbitan Institut Integriti Malaysia, Kuala Lumpur: cetakan pertama 23 April 2004 dan diulang cetak kedua 23 September 2004. Ia berperanan "sebagai pelan induk bertujuan memberikan bimbingan kepada keseluruhan sector perkhidmatan awam, swasta, parti politik, pertubuhan bukan kerajaan, agama, media, wanita, belia dan pelajar dalam gerakan pemantapan integriti secara bersepadu." Perutusan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia. pp.vii.

⁴ "Tumpuan diberikan kepada penghayatan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah", "Penerapan Nilai-nilai Islam", "Budaya Kerja Berkualiti", "Kod Etika Kerja", "Piagam Pelanggan" dan "ISO 9000" ...Di samping itu, bagi memastikan penguatkuasaan usaha pencegahan rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa, Kerajaan melalui Parlimen telah meluluskan Akta Pencegah Rasuah 1997.

Bersumberkan Wahyu, nilai Perkhidmatan bukan hanya terpecah mengikut fungsi awam atau swasta, malah lebih menyerap kepada maruah diri dan ruh. Ia menjadi lebih mendasar kepada gerak rasa hati yang suci dan jiwa yang luhur. Setiap khidmat bukan lagi perlu dipertontonkan mahupun diperakukan malahan lebih lama membekas menjadi rupa diri sebenar yang tekal atau konsisten sifatnya. Walau pangkat dan jawatan diterima sukarela, manusia yang insaf akan hakikat perkhidmatan – perhambaan ini akan tetap bersikap baik dan cemerlang biar pun jawatan lekang, pangkat dipulangkan. Asasnya, etika bukan hanya mainan sebutan muluk, tapi menjadi cerminan hati yang digilap penuh sedar dengan amalan perkhidmatannya yang menjulang harumnya sesuai martabat kemanusiaan dikhalayak makhluk lain yang sama melata di dunia yang fana' sifatnya.

Disinilah bezanya asas integriti tuntutan badan-badan dan orang perseorangan dengan akar integriti yang diilham semula oleh kepemimpinan tertinggi Malaysia. Sesuai dengan ikrar utamanya dalam menerima amanah pemuka utama di Dewan Rakyat⁵, Parlimen Malaysia, yang dipersaksikan pada katabuatnya bukan hanya kepada rakyat jelata mahupun barisan seangkatan bahkan sebagai sembah langsung kepada Tuhan yang Maha Segala. Inilah maksudnya PIN di olah sedemikian rupa sebagai menaksirkan usaha integriti membina masyarakat menurut acuan kita sendiri.

PANDANGAN 'ALAM URUSTADBIR KERAJAAN (WORLDVIEW ON GOVERNANCE OF KINGDOMS)

Semua pihak merasa layak untuk memberi maksud dan tafsiran tentang istilah governan yang baik dalam mengukur kadar kecekapan dan keberkesanan setiap satu komponen yang dikuasai dalam bidang masing-masing. Dalam sektor awam, ia nya berkaitan dengan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan amanah dan ikrar mengendalikan semua sumber alam dan manusia negara secara tadbir urus terbaik bagi kepentingan masalah dan manfaat umum.

Sektor swasta pula mengambil sikap mengimbangi kepentingan pasaran dan para pelaburnya dengan masadepan sumber yang semakin berkurangan akibat penggunaan bernilai komersil masakini demi mengisi keperluan dan kehendak permintaan. Manakala sektor sosial lebih senang mengambil kedua-dua petunjuk sektor awam dan sektor swasta sebagai panduan dalam memenuhi fungsi kepelbagaian bidang agama, budaya dan komuniti mengikut citarasa setempat. Tanpa wujudnya satu autoriti unggul yang boleh menggabungkan kesemua dimensi governan ini secara menyeluruh, ketiga-tiga sektor berkenaan akan akhirnya menyalahkan satu sama lain apabila terjadi anomali atau keganjilan amalan sesetengah pihak yang menyinggung batasan dan peraturan pihak yang lain. Lebih-lebih lagi jika yang berlaku adalah satu kejutan seumpama kes kebangkrapan institusi kewangan, keruntuhan sistem politik dan kebiadapan pemaksaan nilai

kewajaran keadilan secara kasar.

Dalam senario ini, satu perspektif utama yang boleh menjadi pemecah kepada kebuntuan persepakatan fahaman ini adalah menerusi sudut peristilahan. Pada asasnya, kata akar governan adalah daripada bahasa Inggeris '*govern*'⁶ yang membawa makna '*perintah*'. Soalnya, apa yang diperintah; oleh siapa; untuk apa; dengan cara yang bagaimana pula? Jika disamakan erti dengan '*tadbir*', sebagai istilah kata Arab yang lebih kemas, maka ia membawa konotasi agama Islam yang menggarap kata istilah '*adab*' yang tentunya bersistematik dalam penghuraian jawapan kepada rangkaian perintah apa-oleh siapa- untuk apa dan sebagaimana cara itu. Jika dikatakan ia nya membawa erti '*kawal*', maka metafora imej penjara dan kurungan dan seumpamanya serta merta timbul yang mungkin mengakibatkan persepsi negatif yang merugikan.

Daripada sudut falsafah peradaban Barat, istilah yang seakan-akan dengan istilah governan adalah istilah Inggeris '*government*'⁷ iaitu '*pemerintah*' yang menarik polemik mengenai asal-usulnya, siapa yang berotoriti dan bagaimana mekanisme otoriti itu sebaiknya dilaksanakan serta seluas mana pula ruang lingkup pemerintahan itu berkuasa. Tiga teori mengenai asal-usulnya adalah (a) pemerintahan yang berasaskan pada perintah Tuhan, secara langsung ataupun tidak. (b) pemerintahan yang berasaskan pada

⁵ Usul Ucapan Terima Kasih kepada Tun Dr Mahathir Mohamad, Mewarisi Kejayaan' oleh Y.A.B Dato' seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, di Dewan Rakyat Parlimen pada 3hb November 2003..."Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh rakyat jelata keseluruhannya, dan lebih dari itu, oleh Allah S.W.T. Bahawa jawatan dan kuasa adalah satu ujian dari Allah S.W.T. Jika tanggungjawab ini dapat disempurnakan secara amanah, jujur, cekap dan adil, akan berjaya lah seseorang hamba dalam menghadapi ujian Ilahi, disebaliknya kegagalan memenuhinya akan menjadi satu tanggungan berat untuk dihadapi baik di dunia mahupun di akhirat." pp.5

⁶ Kamus Dwibahasa, Oxford Fajar, Joyce M. Hawkins, ms 169.

⁷ Encyclopedia of Religion and Ethics, edited by James Hastings, vol 6. ms 358 - 364

kontrak raja dan rakyat, secara tersurat atau tersirat (c) pemerintahan yang berasaskan keperluan masyarakat semasa. Manakala bentuk asli otoriti itu juga tiga iaitu yang disebut oleh Aristotle sebagai '*kingship*, *aristocracy* dan *polity*'; dan daripada bentuk ketiga terakhir ini disebut juga sebagai pemerintahan berperlembagaan, yang kemudiannya diperincikan sebagai '*tyranny*, *oligarchy* dan *democracy*'. Setiap satu pecahan bentuk otoriti ini membawa sistem nilai dan merit masing-masing sepertimana terkandung dalam perjalanan sejarah pemerintahan dunia. Apa yang pentingnya dalam perbincangan kita ialah kesimpulan Aristotle yang menanggapi setiap '*polity*' mengandungi tiga jabatan iaitu '*deliberative*, *executive* dan *judicial*'; yang setiap satunya tidak dipisah-pisahkan ketika zaman Greek dan Rom kerana fungsi-fungsi berkenaan lazimnya dilaksanakan oleh orang-orang perseorangan yang sama. Hanya pada kurun keenam belas, masyarakat awam merasakan pentingnya fungsi '*judiciary*' dipisahkan secara berasingan dan amalan keadilan tidak seharusnya dilaksanakan oleh raja secara bersendirian. Daripada pegangan ini fungsi '*deliberative*' bertukar kepada '*legislative*' yang dijelaskan oleh Locke sebagai '*ruh yang memberikan bentuk, nyawa dan kesatuan kepada kekayaan bersama*'⁸ yang lebih tinggi martabatnya berbanding '*executive*' dan '*judiciary*' dalam membentuk hukum perundangan yang mesti dipatuhi semua. Akhirnya ruanglingkup pemerintahan ini berayun umpama bandul masa, daripada zaman Hellenic yang dianggap kuasanya terlalu berpusat sehingga mengeneipkan hak peribadi orang perseorangan kepada zaman Inggeris yang rata-ratanya bersifat individualistik (bak kata Bentham, Mill dan Spencer; '*Negara*

dianggap tiada ada apa-apa, individu adalah segala-galanya'⁹).

Apa yang menariknya dalam perbincangan ini adalah pada badan dunia dan rantau sekalipun belum ada kesepaduan definitif mengenainya. Misalan petikan dibawah ini adalah beberapa contoh yang terkandung dalam naskah *Governance Indicators: A Users' Guide*, terbitan bersama United Nation Development Programme dengan European Commission.

UNDP: UNITED NATION DEVELOPMENT PROGRAMME¹⁰

Governan adalah sistem nilai, dasar dan institusi yang dengannya masyarakat menguruskan hal ehwal ekonomi, politik dan sosial mereka melalui interaksi sesama dan di antara Negara, masyarakat sivil dan sektor swasta. Ianya merupakan suatu cara sesebuah masyarakat berorganisasi bagi membuat dan melaksanakan keputusan iaitu mencapai persefahaman bersama, perjanjian dan amalan. Ia merangkumi mekanisme dan proses untuk rakyat dan kumpulan menyuarakan kepentingan mereka, menyelesaikan perselisihan dan menunaikan hak dan obligasi perundangan. Ia merupakan peraturan, institusi dan amalan yang menetapkan had limit serta menyediakan insentif bagi individu, organisasi dan firma. Governan, meliputi dimensi sosial, politik dan ekonomi, beroperasi pada setiap tahap aktiviti kemanusiaan baik di peringkat isirumah, kampung, perbandaran, negara, rantau mahupun global.

EU: EUROPEAN COMMISSION¹¹

Governan menyentuh kemampuan sebuah negara berkhidmat untuk rakyatnya. Ia merujuk kepada peraturan,

proses dan perlakuan sebagaimana sesuatu kepentingan disuarakan, sumber diuruskan, dan kuasa dilaksanakan dalam masyarakat. Kaedah bagaimana fungsi awam dijalankan, sumber awam diuruskan dan kuasa penguatkuasaan awam dilaksanakan adalah isu utama yang diketengahkan dalam konteks ini.

Walaupun sifatnya terbuka dan meluas, governan adalah satu konsep yang bermakna dan praktikal mengenai aspek-aspek asas sistem masyarakat, politik dan sosial berfungsi. Ia boleh dinyatakan sebagai ukuran asas kestabilan dan pencapaian sesebuah masyarakat.

Sebagaimana konsep-konsep hak asasi, demokratisasi dan demokrasi, peraturan perundangan, masyarakat sivil, perkongsian kuasa bersama dan pentadbiran awam yang bermutu semakin berkembang kepada sistem politik yang lebih terarah, governan juga turut berkembang kepada governan yang baik.

BANK DUNIA¹²

Governan adalah tradisi dan institusi yang dengannya otoriti sesebuah negara dilaksanakan bagi kepentingan bersama. Ia meliputi (i) proses secara mana mereka yang berotoriti dipilih, dipantau dan diganti (ii) keupayaan sesebuah kerajaan menguruskan sumber secara berkesan dan melaksanakan dasar-dasar dengan baik (iii) kehormatan rakyat dan negara kepada institusi yang menguasai interaksi ekonomi dan sosial sesama mereka.

Lain pula halnya dalam kosakata sektor swasta, yang merujuk governan korporat¹³ sebagai peraturan dan amalan yang menguasai perhubungan di antara pengurus dengan pemegang saham, pemegang-pegang berkepentingan seperti para pekerja dan pemiutang; yang

(Footnotes)

⁸ *ibid.*, '*the soul which gives form, life, and unity to the commonwealth*', ms 362.

⁹ *ibid.*, '*the State is regarded as nothing, the individual as everything*', ms 363.

¹⁰ UNDP Strategy Note on Governance for Human development, 2004.

¹¹ The European Commission, Communication on Governance and Development, October 2003, COM (03)615

¹² World Bank Institute website 2004: <http://www.worldbank.org/wbi/governance/>

¹³ The OECD Principles of Corporate Governance, 2004.

kesemuanya ini demi menjaga keutuhan integriti perniagaan dan pasaran yang menjadi faktor kesuburan dan kestabilan sistem ekonomi. Sebagai satu unsur penting dalam menambah keberkesanan dan pertumbuhan ekonomi, ia juga amat relevan dalam menaikkan keyakinan para pelabur kerana menyentuh perhubungan yang ketara diantara pengurusan syarikat, lembaga pengarah, pemegang saham dan pihak-pihak lain. Ia memberi satu struktur bagi menetapkan objektif syarikat, cara bagaimana ia dicapai dan pemantauan pencapaian ditentukan. Hasilnya, kos modal dikurangkan dan firma digalakkan untuk menggunakan sumber bahan secara lebih cekap yang akhirnya menggalakkan pertumbuhan.

Namun begitu, perbincangan ini akan hanya menjadi retorik akademik seandainya sektor sosial yang lebih rencam sifatnya diabaikan hanya kerana kepelbagaian nilai individu yang membentuknya. Malah jika dirangkumkan semula tafsiran awal mengenai governan yang merujuk kepada perintah, tadbir dan kawal, unsur diri individu inilah yang menjadi punca asal dan tempat akhir segala pemakaian sistem nilai dan standard struktur berkenaan. Pada hemat kita, makna utama kepada governan ini mestilah juga merangkumi dimensi psikologi dan ruhi manusia secara peribadi dan bukan hanya terbatas kepada keperluan jasad biologi atau pun kemahuan sosiologi. Sekiranya aspek governan itu dikenakan kepada diri peribadi seumpama ini, maka istilah yang tepat adalah governan diri-sendiri (*governance of self*) yang apabila selesai dan jelas asal, cara dan matlamat akhirnya maka secara tabi'inya akan selesai sistem governan lainnya.

Ibarat kata Pendita Za'aba dalam hal

yang seakan serupa;

Tidak ada yang boleh menggaru gatal kulitmu

Sama seperti kuku tanganmu sendiri;

Sebab itu buatlah olehmu sendiri

Segala kerja tanggungan dirimu.¹⁴

Dengan pemakaian istilah yang berkenaan secara beradab, maka barulah boleh dikenakan secara tepat pemakaian dan pematuhan nilai dan ma'ana Integriti secara langsung iaitu diri yang berlaku jujur dan benar kepada dirinya sendiri dahulu sebelum melangsungkan kejujuran dan kebenaran yang semakin bertambah subur kepada konstituensi isirumah, keluarga, komuniti, masyarakat, institusi dan negara keseluruhannya. Dimensi psikologi yang tidak terpisah-pisah oleh kemaruk tuntutan yang bukan-bukan akan nantinya membawa perbincangan governan ini kembali kepada yang lebih dasar dan besar iaitu persoalan Tiga Alam¹⁵, iaitu alam Haiwan, alam Tumbuhan dan alam Mineral; yang setiap satunya berkaitan dalam satu skema kejadian masing-masing berkaitan ibarat putaran kehidupan demi maksud martabat diri insan.

PERANAN DIRI PERSEORANGAN DAN INSTITUSI KITA (OUR INDIVIDUAL AND INSTITUTIONAL ROLES)

IIM selaku penunjuk jalan penggerak Pelan Integriti Nasional dan penafsir-ukur kekesanannya pada masyarakat Malaysia telah mula menanam benih kesedaran peripentingnya Integriti pada kelangsungan hidup harmonis dan berma'ana didalam hati-hati mereka yang berpeluang mengetahui dan mengenali agenda dan tindakan ini secara terus daripada IIM. Bagai Kalimah

yang baik¹⁶, ia akan terus menunjangi bumi dan menjulangi langit sebagai pokok berbuah lebat berdaun teguh dan berdaun rimbun rendah. Niat yang ikhlas dari Pemimpin Negara Malaysia ini telah ditanam pada tapak semaiannya, diamanahkan pada peneraju Perkhidmatan Awam yang senantiasa dari dahulu memelihara keutuhan dan kejutan pengurusan governan, didoakan semoga ia disambut redha oleh setiap hati rakyat jelata yang terbuka untuk mengamalkannya dengan kefahaman yang benar, masing-masing pada keupayaan dan kehidupan tersendiri. Untuk ianya menjadi darah daging yang dibudayakan dan diperturunkan zaman berzaman kepada generasi anak cucu pewaris Negara, apa yang diperlukan oleh IIM ini tentunya adalah sumbangan cerdas pandai dan pemikir ilmunan yang jujur dan betul pandangan alamnya, baik faham agama Islam, faham pembangunan alam masyarakat Malaysia, faham warisan peradaban keilmuan Melayu dan faham jati diri manusia baik yang dicita-citakan oleh kita semua.

Marilah kita bangunkan diri, keluarga, masyarakat dan Negara kita dengan ikhlas tanpa culas, dengan yakin tanpa was-was, dengan ilmu tanpa keliru. Disinilah lahirnya cinta dan citra mulia gagasan berhikmah, berpanduguru, berbudaya-Wahyu, kepemimpinan semua kita meneroka dasarwasa ini!

Demikian lah asal kata "integriti" ini mesti dipaksikan kembali kepada makna sebenar pada diri perseorangan terlebih utama dahulu, apabila baik dan mendatangkan ketenteraman pada hidupnya, maka akan tercernalah keindahan budipekerti akhlak yang baik dan mempengaruhi institusi yang diduduki dan profesyen yang diamali. ■

¹⁴ Pendita Za'ba, *Perangai Bergantung Kepada Diri Sendiri*, DBP KL:1984, ms 6.

¹⁵ Professor Al-Attas, S.M.Naquib, *The Nature of Man and the Psychology of Human Soul*. ISTAC, KL:1990.

¹⁶ Al-Qur'an alKarim, Surah Ibrahim (14): ayat 24-25; "Tidaklah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimat yang baik seperti pohon yang baik, akarnya teguh dan cabangnya (menjulang) ke langit, pohon itu memberikan buahnya pada setiap musim dengan seizin Tuhannya. Allah membuat perumpamaan-perumpamaan itu untuk manusia supaya mereka selalu ingat."

Kursus Integriti

Kontraktor Industri Pembinaan

Dalam usaha meningkatkan imej serta menggalakkan profesionalisma dalam industri pembinaan, syarikat-syarikat pembinaan yang merupakan pemacu utama industri pembinaan memainkan peranan yang amat penting dalam sama-sama menggembelngkan tenaga ke arah pengukuhan integriti. Peningkatan imej dan profesionalisma merupakan satu nilai tambah yang dapat membantu memberi keyakinan semua pihak kepada syarikat-syarikat pembinaan tanahair.

Oleh itu, CIDB mengambil inisiatif mewajibkan penyertaan kursus ini terhadap pemilik-pemilik syarikat pembinaan baru yang berdaftar dengan CIDB mulai tahun 2007. Kursus ini bertujuan memberi kesedaran kepada pemilik syarikat pembinaan terhadap kepentingan dalam mengukuhkan integriti di dalam pelaksanaan projek pembinaan. Kandungan kursus ini juga bertujuan membantu syarikat pembinaan tanahair mempersiapkan diri untuk



berhadapan dengan risiko dan cabaran-cabaran yang mampu mempengaruhi dan membari kesan terhadap imej dan profesionalisma mereka.

Adalah diharapkan agar peningkatan imej dan profesionalisma syarikat-syarikat pembinaan tanahair dapat membantu dalam meningkatkan daya saing mereka untuk berhadapan dengan cabaran globalisasi ini.



Tujuan

Kursus Integriti Kontraktor Industri Pembinaan dibangunkan dengan objektif-objektif yang disenaraikan dibawah:




- Menyampaikan polisi serta hasrat Kerajaan dan masyarakat umum mengenai kepentingan aspek integriti dan membincangkan isu-isu berkaitan integriti dalam industri pembinaan secara umum.

KEMAJUAN KURSUS YANG TELAH DIJALANKAN (Sehingga 31 Oktober 2008)



Statistik Kehadiran Peserta Kursus Integriti Mengikut Gred



- b. Mendedahkan amalan-amalan yang beretika dan sebaliknya dalam rangkaian pelaksanaan kerja pembinaan serta membincangkan kesan-kesan negatif akibat amalan tidak beretika terhadap kos, kualiti dan produktiviti kerja pembinaan.
- c. Membentangkan mekanisma terbaik yang wajar diterapkan oleh kontraktor dalam pelaksanaan kerja pembinaan bagi mengelakkan dan membasmi amalan-amalan tidak beretika bagi membantu meningkatkan imej serta profesionalisma industri pembinaan.
- d. Memberi penerangan mengenai Kod Etika Kontraktor.
- e. Menyediakan platform bagi perbincangan dan perkongsian pengalaman berkaitan aspek integriti dalam pelaksanaan projek pembinaan.
- f. Meningkatkan keyakinan masyarakat dalam aspek amalan beretika terhadap perkhidmatan kontraktor pembinaan tempatan.
- Kumpulan Sasaran**
Pemilik/Personel Pegurusan utama syarikat yang melibatkan mana-mana dari berikut:
- Pemilik syarikat
 - Pengarah syarikat
 - Pengurusan utama syarikat
- Tempoh Kursus**
1 hari (8am - 5pm)
- Yuran Kursus**
RM30 setiap peserta
- Sijil**
Sijil akan diberi kepada peserta yang berjaya menamatkan kursus dan memperoleh 8 mata CCD.

Permohonan Kursus

Menggunakan Borang Permohonan seperti di muka surat akhir buletin ini atau di kaunter mana-mana pejabat CIDB atau dimuat turun daripada laman web www.cidb.gov.my dan dihantar terus ke mana-mana pejabat CIDB yang berkenaan.

Jadual Kursus

Peserta bolehlah merujuk kepada jadual kursus seperti yang disediakan oleh CIDB Negeri/ cawangan dan dibenarkan memohon tarikh kursus seperti yang dijadualkan. Walau bagaimanapun, CIDB berhak mengubah/ menyusun semula tarikh kursus yang dipohon atas sebab-sebab yang difikirkan perlu dengan memaklumkan kepada peserta terlebih dahulu. ■

Sebarang pertanyaan mengenai **KURSUS INTEGRITI KONTRAKTOR INDUSTRI PEMBINAAN** boleh diajukan ke pejabat CIDB seperti di bawah:

IBU PEJABAT CIDB

LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI
PEMBINAAN MALAYSIA
Tingkat 7, Grand Seasons Avenue, 72,
Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-2617 0200
Faks: 03-2617 0220
Website: www.cidb.gov.com
email: bpk@cidb.gov.my
ecidbh@cidb.gov.my

PEJABAT CIDB NEGERI

**CIDB WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR**
Tkt. 7, Grand Seasons Avenue,
72, Jalan Pahang
53000 Kuala Lumpur
Tel: 03-40453800
Fax: 03-40453858

CIDB TERENGGANU
Tingkat 7, Menara Yayasan
Islam Terengganu
Jalan Sultan Omar,
20300 Kuala Terengganu,
Terengganu.
Tel: 09-624 5311
Fax: 09-6238973

CIDB KEDAH
Lot 1-4, Tingkat 11, City Plaza,
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar, Kedah.
Tel: 04-733 1243
Fax: 04-7331175

CIDB KELANTAN
No.U7.2,Tingkat 7,
Menara Perbadanan,
Jalan Tengku Petra Semarak,
15000 Kota Bharu, Kelantan.
Tel: 09-744 4311
Fax: 09-7434311

CIDB PERAK
Lot 5.02,Tingkat 5, Bangunan KWSP, Jalan
Greentown, 30450 Ipoh, Perak.
Tel: 05-242 3488
Fax: 05-2555488

CIDB PAHANG
B246 & 248,
Wisma Kontraktor Melayu Pahang
Jalan Dato Lim Hoe Lek,
25200 Kuantan, Pahang.
Tel: 09-5178734
Fax: 09-5178751

CIDB PULAU PINANG
Lot 9.01,Tingkat 9,
Bangunan KWSP,
No. 3009 Off Lebuhraya Tenggiri 2,
Bandar Seberang Jaya,
13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang.
Tel: 04-390 2448
Fax: 04-3907448

CIDB MELAKA
No.24-2&26-2,Tingkat 2 Bangunan Kota
Cemerlang Lebuhraya Ayer Keroh 75450
Ayer Keroh, Melaka
Tel: 06-232 8895
Fax: 06-2328950

CIDB SABAH
Lot EG. 11,Tingkat Bawah,
Blok E, Bangunan KWSP,
88100 Kota Kinabalu, Sabah.
Tel: 088-235 060
Fax: 088-242481

CIDB SABAH (CAWANGAN TAWAU)
TB 306,Tingkat 2, Blok 35,
Kompleks Perdagangan Fajar,
Jalan Hj. Karim, 91009 Tawau, Sabah.
Tel: 089-777842
Fax: 089-777840

CIDB SARAWAK
Tingkat 1, Blok A, Kompleks CIDB,
Jalan Sultan Tengah,
93050 Kuching, Sarawak.
Tel: 082-445 833
Fax: 082-447833

CIDB SARAWAK (CAWANGAN MIRI)
Tingkat 1, Wisma Rela Aman,
Lot 1301, Blok 9 MCLD Miri Water Front,
98000 Miri, Sarawak.
Tel: 085-417431
Fax: 085-417432

CIDB JOHOR
Lot 2067, Batu 3, Jalan Tampoi,
81200 Johor Bahru, Johor.
Tel: 07-234 4808
Fax: 07-2344807

BORANG PERMOHONAN KURSUS INTEGRITI KONTRAKTOR INDUSTRI PEMBINAAN

Tarikh Kursus Dipohon:.....

Tempat Kursus Dipohon:.....

A. MAKLUMAT PEMOHON *(Sila sertakan salinan Kad Pengenalan)*

Nama Penuh:.....
(seperti dalam kad pengenalan)

Tarikh Lahir:.....

No. Kad Pengenalan:.....

Jantina: ☐ Lelaki ☐ Perempuan

No. Telefon:.....

No. HP:.....

Emel:.....

Alamat Surat Menyurat:.....

..... Poskod:.....

Jawatan Pemohon Di Dalam Syarikat:.....

B. MAKLUMAT SYARIKAT *(Sila sertakan salinan perakuan pendaftaran CIDB)*

Nama Syarikat:.....

No. Pendaftaran CIDB:.....

Alamat Syarikat:.....

..... Poskod:.....

Gred:..... No. Telefon Syarikat:.....

C. PENGAKUAN PEMOHON

Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan di dalam borang ini dan salinan dokumen yang saya sertakan adalah benar. Permohonan ini akan terbatal dengan sendirinya sekiranya terdapat sebarang keraguan.

.....
Tandatangan & Cop Syarikat

.....
Tarikh

D. KEGUNAAN PEJABAT *(Sila kosongkan ruang ini)*

Ulasan:.....

Disemak:..... Tarikh:.....

SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Yuran kursus RM30.00
2. Pembayaran hendaklah dibuat secara wang pos, bank draf atau banker's cek atas nama CIDB Malaysia.
3. Pemohon yang layak mengikuti kursus di atas adalah:
 - (a) Pemilik Syarikat
 - (b) Pengarah Syarikat
 - (c) Pengurusan Utama Syarikat
4. Permohonan oleh pemilik syarikat hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan serta form 49/Borang A.
5. Permohonan oleh pegawai pengurusan utama yang digajikan hendaklah disertakan dengan salinan Kad Pengenalan, surat perlantikan dan penyata KWSP terkini.
6. Semua dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan Kumpulan A/Setiausaha Syarikat atau pihak yang mengeluarkan dokumen.